

28 OCT 1997

KEJATUHAN PASARAN DUNIA BUKTI M'SIA TIDAK TERPENCIL

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Kejatuhan pasaran saham dunia sekarang membuktikan masalah kewangan dan pasaran saham yang dihadapi Malaysia bukanlah satu gejala yang terpencil, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Ia juga menunjukkan kemerosotan pasaran tempatan juga disebabkan oleh faktor-faktor berkaitan pasaran -- serantau dan antarabangsa -- dan bukanlah perkembangan di Malaysia sahaja, katanya.

Anwar berkata kejatuhan yang bermula dengan aktiviti spekulasi mata wang serantau telah menjadi lebih serius dengan kejatuhan Pasaran Saham New York semalam, yang mencatatkan penurunan mata paling teruk dalam sehari pada hari Isnin.

Index Perusahaan Dow Jones susut lebih 550 mata sebelum urus niaga di hentikan secara automatik dua kali semalam.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata demikian selepas menemui Perdana Menteri Australia, John Howard yang singgah di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah, Subang selama satu jam dalam perjalanan ke Jakarta selepas menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di Edinburgh, Scotland, baru-baru ini.

Anwar menjelaskan beliau sering berhubung dengan pegawai-pegawai tinggi perbendaharaan negara asing serta institusi kewangan dunia, termasuklah setiausaha perbendaharaan Amerika Syarikat, Robert Rubin mengenai krisis kewangan yang kini bukan sahaja melanda negara-negara membangun malah pasaran negara-negara maju.

Anwar berkata beliau telah menerima faksimili daripada Rubin mengenai krisis tersebut "dan saya perlu menjawabnya dengan panggilan telefon secepat mungkin.

"Mungkin saya akan menghubungi beliau esok. Kami selalu berhubung dengan Amerika Syarikat, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), serta kerajaan Jepun dan tentu sekali dengan negara-negara anggota Asean," kata Anwar.

Berikutan kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham rantau Asean, bermula dengan kejatuhan nilai Baht Thailand pada awal Julai lalu, Malaysia telah mencadangkan agar kawalan ke atas aktiviti manipulasi mata wang diperkenalkan.

Saranan yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Mesyuarat IMF dan Bank Dunia di Hong Kong September lepas, juga mahu ketelusan dalam aktiviti-aktiviti dana spekulator. -- BERNAMA

AH AD SIA